

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 22 DISEMBER 2005, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 28

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 75-100592
Datuk Yaakob Bin Haji Mohammad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan hasil yang telah dipungut oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia dari tahun 1999 - Jun, 2005 serta jumlah hasil kutipan daripada cukai import kenderaan (CBU dan CKD) dalam tempoh tersebut dan anggaran kerugian hasil cukai bagi kenderaan pengisytiharan bawah nilai dalam tempoh tersebut serta apakah strategi terbaru yang telah dan akan diambil bagi menangani isu pengisytiharan bawah nilai kenderaan import dan cara untuk mendapatkan semula hasil cukai di bawah nilai pengisytiharan tersebut.
2. 70-100064
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah benar-benar wujud kesan kepada pengguna apabila Kementerian membuat penguatkuasaan kepada peniaga menerusi Skim Kawalan Harga Pengguna 2005/2006 dan berapa ramai peniaga telah diambil tindakan kerana melanggar skim tersebut.
3. 39-100233
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah langkah yang akan dilakukan bagi memasarkan hasil karya seni kita ke negara luar memandangkan berlaku kebanjiran karya seni dari luar yang memasarkan hasil seni mereka seperti muzik dan filem ke negara ini sedangkan karya seni dari Malaysia sukar untuk menembusi pasaran negara-negara luar.
4. 59-100013
Tuan Tay Puay Chuan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan (GLC's) dan di antara syarikat tersebut berapa banyakkah syarikat yang mengalami kerugian dan menikmati keuntungan serta senarai syarikat-syarikat tersebut.

5. 53-100646
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagam minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapa banyakkah pendatang tanpa izin yang masih berada di negara kita ini dan apakah tindakan susulan Kerajaan bagi memastikan negara kita ini bebas dari pendatang haram.
6. 37-100024
Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah jumlah sekolah-sekolah bestari yang telah dibina. Apakah sekolah-sekolah bestari ini benar-benar menunjukkan prestasi yang membanggakan dalam Peperiksaan-Peperiksaan Awam.
7. 46-100232
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah judi bertentangan dengan ajaran semua agama di Malaysia dan adakah Kerajaan bercadang untuk menghapuskannya.
8. 38-100352
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan jumlah pelancong asing yang memilih Malaysia sebagai lokasi perkahwinan pada tahun ini berbanding tahun lalu.
9. 81-100641
Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang akan dilakukan oleh Kerajaan di dalam memastikan guru-guru yang berkualiti dihantar ke sekolah-sekolah luar bandar. Apakah Kerajaan akan menambah lagi insentif-insentif kepada guru-guru agar mereka berminat bertugas di luar bandar.
10. 30-100568
Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi memastikan sektor pertanian terus berkembang di kawasan luar bandar yang secara tidak langsung dapat membantu golongan miskin di kawasan luar bandar.
11. 47-100354
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah kejayaan hubungan dagangan di antara Malaysia dan negara-negara Islam dan berapakah jumlah eksport ke negara-negara tersebut sejak tahun 2003.

12. 20-100393
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah golongan guru-guru terlibat dalam kerja 5 hari seminggu mulai tahun 2006 sama dengan kakitangan awam negeri atau persekutuan dan apakah langkah-langkah untuk memastikan pelaksanaan aktiviti ko-kurikulum berjalan dengan berkesan.
13. 76-100522
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan peranan dan hala tuju Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). FAMA harus memainkan peranan lebih aktif dalam pemasaran barangan pertanian seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan produk hortikultur. Berapakah peratus 'market share' FAMA dalam pemasaran produk ini.
14. 65-100173
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sama ada Kementerian boleh bersetuju untuk menubuhkan sebuah badan atau syarikat besar yang boleh membekalkan bahan-bahan binaan penting kepada kontraktor bumiputera untuk menyelamatkan mereka daripada dieksploitasi oleh pembekal-pembekal yang tidak bertanggungjawab.
15. 60-100455
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pembaharuan-pembaharuan terhadap GLCs yang telah dilaksanakan. Bagaimanakah prestasi GLCs sekarang ini dan nyatakan GLCs yang tenat dan masih memerlukan perhatian.
16. 40-100271
Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil berikutan laporan World University Ranking (WUR) 2005 menempatkan Universiti Malaya (UM) pada tangga ke 169, berbanding 89 pada tahun 2004. Adakah langkah-langkah drastik dapat memantapkan status universiti tempatan atau sebaliknya.
17. 69-100445
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan seterusnya sekiranya penternak-penternak melanggar atau tidak mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan.
18. 62-100622
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan rancangan Kerajaan ke arah penyediaan sumber manusia yang bakal bekerja pada tahun 2020 nanti. Nyatakan juga jenis pekerjaan dan sektor yang bakal menjadi keutamaan negara pada masa tersebut.

19. 43-100288
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk memberi BISP kepada penyelia-penyelia di Jabatan Pelajaran Negeri dan Daerah yang bertanggungjawab menyelia dan melatih guru-guru yang mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris.
20. 68-100309
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah penutupan/tamat kontrak agak terlalu lama untuk diselesaikan. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan masalah ini berlaku dan berapakah jumlah kontrak yang masih belum ditutup secara saksama dalam RMK-8.
21. 52-100558
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha-usaha mahupun langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan serta Bursa Malaysia di dalam menaikkan semula kadar indeks saham yang semakin jatuh serta menjunam kebelakangan ini. Apakah refleksinya terhadap negara kita oleh pelabur-pelabur asing. Adakah ini bermakna bahawa pelabur-pelabur asing tidak berminat untuk melabur di negara kita di samping pelabur-pelabur asing di negara kita yang menarik keluar pelaburan mereka. Apakah langkah-langkah serta usaha-usaha yang sedang diambil dan dilaksanakan oleh Kerajaan.
22. 56-100109
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah tahanan dalam reman dan di dalam penjara yang meninggal dunia akibat daripada kecederaan yang disebabkan oleh pegawai dan anggota polis. Apakah tindakan yang telah diambil terhadap pegawai dan anggota yang terlibat.
23. 57-100382
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kes rompakan dan pembunuhan yang melibatkan senjata api di negara ini sejak tahun 2000 hingga 2005 termasuk jumlah mangsa, jenis senjata api, daerah dan negeri yang paling banyak kes.
24. 54-100084
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan yang telah disediakan untuk mengatasi peningkatan bilangan kes tibi di Sarawak dan kenapa bilangan kes tibi telah meningkat.
25. 18-100265
Tuan Ismail bin Kasim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kawalan dan penyiasatan terhadap ajaran sesat yang disebar oleh Ayah Pin yang masih bebas ini dilakukan.

26.20-100423

Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah rancangan dalam Rancangan Malaysia ke 9 (RMK-9) untuk membina jalan raya Premix dari Kg. Orang Asli Lasah, Sg. Siput hingga ke Pos Yom dan Pos Piah melibatkan 13 perkampungan orang asli di kawasan pedalaman sejauh 40km. Jika ada, berapakah kos yang telah dikenal pasti dan bilakah akan dilaksanakan.

27.43-100298

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kementerian masih lagi menghalusi dan mengemaskini Akta Pengangkutan 1987 sedangkan kesalahan demi kesalahan trafik berlaku yang menyebabkan kematian dan sehingga kini berapa peratuskah pesalah trafik yang mempunyai kes yang berulang dan apakah tindakan yang telah diambil.

28.70-100061

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah langkah dan tindakan Kementerian berhubung tindakan Perbadanan Penyiaran British (BBC) pada Julai lalu menyiarkan laporan khas tentang ancaman lanun di Selat Melaka yang dianggap sebagai tidak selamat kepada laluan perkapalan antarabangsa.

29.56-100121

Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Malaysia mempunyai apa-apa peruntukan khas dalam membantu mangsa-mangsa bencana alam di luar negara dan jumlah peruntukan yang digunakan bagi tujuan tersebut.

30.29-100277

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah cadangan Kementerian untuk menganjurkan gotong royong secara bersepadu dan nyatakan secara terperinci berapa banyak program tersebut telah dilaksanakan khususnya di kawasan yang terdapat penyakit denggi dan tibi.

31.54-100076

Dato' Sri Empiang Jabu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dirancang untuk mengurangkan tahap kemiskinan negara ke 0.5% pada tahun 2009.

32.18-100253

Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah isu polemik perkauman yang ditimbulkan oleh Timbalan Presiden Gerakan, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon berhubung isu dasar pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa ibunda akan menjejaskan dasar pembelajaran negara dan kemajuan pelajar-pelajar dalam menguasai subjek tersebut.

33.68-100305

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Bank Negara bercadang menghapuskan 'charge' yang dikenakan kepada pelanggan yang membebankan.

67-100303

34. **Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah inovasi yang sedang dirancang Kerajaan untuk menjadikan PLKN lebih bermakna dan berguna kepada generasi muda terutama di dalam membentuk barisan rakyat yang sedia berkhidmat dan berkorban demi kepentingan negara dan bersatu padu di dalam semua hal.

35.9-100421

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian mengkaji mengapa 87 peratus daripada penagih dadah terdiri daripada golongan mereka yang bekerja dan stabil dengan kerjaya masing-masing dan apakah langkah-langkah bagi mengatasi pembabitan pekerja menjadi penagih agar berkurangan pada masa akan datang.

36. 45-100490

Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah dan jenis kejadian salah laku di kalangan peserta PLKN sepanjang tahun 2004.

37. 7-100204

Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa secara purata 120 pelajar ditangkap oleh polis tiap-tiap bulan disebabkan gejala dadah, gangsterisme, kecurian dan sebagainya. Apakah puncanya dan apakah cadangan Kementerian supaya ianya dapat dikurangkan.

38. 74-100128

Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan kawasan pasar malam dan makanannya dalam keadaan bersih.

39. 17-100179
Tuan Lee Sing Chooi MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI bilangan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang telah dihantar balik bagi setiap bulan pada tahun 2004 dan 2005, apakah strategi yang menyeluruh untuk mengatasi masalah PATI di Semenanjung, Sarawak dan Sabah dan usaha-usaha tertentu yang mesti dipertingkatkan supaya masalah ini dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan dalam strategi tersebut.
40. 77-100507
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana boleh terjadi Datuk Mokhzani Mahathir menjual 31% kepentingannya dalam Pantai Holding bernilai 30 juta kepada Ketua Eksekutif Kumpulan Pantai, Lim Tong Yong yang kemudian telah menjualnya pula kepentingannya kepada syarikat Singapura, Parkway Holding Ltd. dengan nilai RM 600 juta (10 kali ganda). Apakah dasar Kerajaan membenarkannya. Syarikat Singapura ini pula dibenarkan untuk terus membekal ubat-ubat di hospital Malaysia melalui kontrak asalnya berdasarkan syarikat tempatan. Adakah Kerajaan akan terus membiarkan syarikat ini menjadi pembekal atau akan ditarik balik.
41. 21-100112
Datin Naomi Chong Set Mui minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan memandangkan masalah kekurangan bekalan tenaga di Sabah dan peningkatan kos pengurusan minyak bagi menjana stesen jana kuasa, adakah TNB bercadang untuk meneruskan rancangan pembinaan Projek Hidroelektrik Liwagu dan sekiranya tidak, kenapa.
42. 17-100181
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan rancangan dan usaha "quantum leap" Kementerian untuk mengurangkan lagi kes-kes jenayah yang kini telah memberikan kesan yang tidak baik terhadap peningkatan bilangan pelancong luar negara dan juga kerisauan masyarakat terhadap gejala sosial.
43. 29-100229
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapa ramaikah pelajar jurusan kedoktoran yang ditanggung oleh Kementerian dan berapa ramaikah yang telah habis belajar tapi masih belum pulang kerana bekerja atau masih lagi menyambung pelajaran.
44. 49-100541
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan kenapakah elaun perjalanan bagi pegawai-pegawai polis dibayar lewat.

45. 19-100032
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Biro Pengaduan Awam (BPA) benar-benar berfungsi mengikut matlamat penubuhannya. Adakah kes-kes rasuah yang melibatkan kakitangan BPA disedari oleh orang dalam dan jika didakwa apakah tindakan yang akan diambil.
46. 79-100546
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menambahkan ekuiti kaum India berdasarkan kepada komposisi kaum.
47. 60-100444
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengapakah mutu universiti awam di Malaysia merosot berdasarkan kedudukan Universiti Malaya yang jatuh ke tangga 169. Apakah ini berpunca kerana universiti-universiti berkenaan dipimpin oleh mereka yang tidak berkelayakan dan apakah sebenarnya hala tuju yang sudah dirancang oleh Kementerian untuk mengatasi isu ini.
48. 9-100422
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan:-
- (a) apakah rasionalnya pertandingan program realiti televisyen seperti Akademi Fantasia, Malaysia Idol, Audition dan Mentor diteruskan dengan menggunakan undian melalui sistem pesanan ringkas (sms) dalam melahirkan penghibur yang berbakat; dan
 - (b) apakah pendirian Kementerian bahawa undian SMS ini menyebabkan berlaku pembaziran kewangan terutama kepada golongan remaja yang bersekolah.
49. 39-100236
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan Kementerian seharusnya mengadakan program-program tv yang berbentuk "reality tv" terutamanya yang berbentuk pertandingan nyanyian kerana terlalu banyak program seperti ini akan melalaikan remaja. Kementerian seharusnya memperbanyakkan program yang dapat membina minda remaja seperti program "EMI - Music Executive" dan "Malaysian Top Host" iaitu program remaja yang menggunakan kemahiran mereka bagi memperolehi pekerjaan yang ditawarkan.

50. 72-100620
Dato' Kamarudin bin Ambok minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengikut gender berapakah jumlah pekerja yang bekerja di sektor Kerajaan dan swasta di negara ini.
51. 65-100176
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan kejayaan-kejayaan awal yang dicapai dalam usaha memerangi dadah setelah perang habis-habisan diisytiharkan oleh YAB Perdana Menteri.
52. 44-100341
Puan Safinah binti Jusoh minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapakah bilangan anjing-anjing liar yang dihapuskan oleh DBKL sejak tahun 2003 dan adakah apa-apa bayaran dikenakan ke atas pelapor atau penghuni kawasan yang membuat laporan.
53. 38-100375
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan langkah yang diambil bagi menangani gejala buta Al-Quran di kalangan segelintir para pegawai dan anggota tentera.
54. 77-100497
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan mengapa tahap kecemerlangan bola sepak negara begitu merosot. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menjamin peningkatan secara berterusan dan konsisten. Tidakkah kita bercadang untuk mengambil satu atau dua orang pemain profesional dari negara Afrika dan diberi taraf kerakyatan seperti yang dilakukan oleh Kerajaan Arab Saudi dan Singapura.
55. 62-100627
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **KEMENTERIAN PELAJARAN** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk menarik lebih ramai graduan dan golongan berpengetahuan tinggi dan berkaliber untuk menceburi profesion perguruan dan mengembalikan profesion ini ke tahap dahulu yang begitu disegani dan dihormati, apakah Kerajaan bercadang untuk menggunakan sistem saran berasaskan kemahiran dan kebolehan dan bukannya hanya kepada sistem sedia ada semata-mata.

56. 8-100631

Tuan Saravanan a/l Murugan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan sehingga hari ini untuk meningkatkan ekuiti kaum India daripada 1.5% ke 3% seperti yang dinyatakan di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Yang Ke-3 (2001-2010) dan apakah status terbaru memandangkan hampir lima tahun sudah berlalu.

57. 7-100194

Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan alasan mengapa Universiti Malaya jatuh dari tempat ke-89 pada tahun 2004 kepada 169 pada tahun 2005 seperti dinyatakan dalam "The James Higher Education Supplement 2005 - World University Ranking" dan sama ada ini telah memburukkan imej UM ataupun imej negara kita.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.30/2005) Rang Undang-undang Timbang Tara 2005 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah “ Bahawa Rang Undang-undang ini di bacakan kali yang kedua sekarang”.**
[21 Disember 2005]

2. (D.R. 29/2005) Rang Undang-undang Warisan **Bacaan Kali**
Kebangsaan 2005 **Yang Kedua**

3. (D.R.27/2005) Rang Undang-undang Kewangan 2005 “

4. (D.R.31/2005) Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan “
(Pindaan) 2005

5. (D.R. 22/2005) Rang Undang-undang, Undang-undang “
Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah
Persekutuan) (Pindaan) 2005

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN 2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.145	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Laporan Kewangan dan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit).	22 Disember 2005
ST. 196	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya Bagi Tahun 2000 (Telah Diaudit).	22 Disember 2005
ST. 197	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya Bagi Tahun 2001 (Telah Diaudit).	22 Disember 2005
ST. 198	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya Bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit).	22 Disember 2005
ST. 199	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	22 Disember 2005
ST. 203	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia (UTM) Bagi Tahun 2002.	22 Disember 2005
ST. 209	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Totalisator Malaysia (LTM) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit).	22 Disember 2005
ST. 210	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bernama Bagi Tahun 2004.	22 Disember 2005